

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Sunday, April 29, 2018 4:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Nurul Nadiah binti Rusle
Subject: SEMINAR KEUSAHAWANAN SOSIAL (LESTARI) BERSAMA SEKOLAH AGAMA SWASTA PERLIS DAN SEKOLAH AGAMA SWASTA, KUBANG PASU KEDAH FASA 2



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

29 APRIL 2018 / 13 SYAABAN 1439H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

and good day

**SEMINAR KEUSAHAWANAN SOSIAL (LESTARI) BERSAMA SEKOLAH AGAMA
SWASTA PERLIS DAN SEKOLAH AGAMA SWASTA, KUBANG PASU KEDAH FASA 2**



SBM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Universiti Utara Malaysia telah menjalankan Seminar Asas Keusahawanan Sosial di bawah Program Pemantapan dan Kelestarian Keusahawanan (LESTARi). Program ini telah dijalankan dengan pada 18 April 2018 (Fasa 1-2) dan 25 April 2018 (Fasa 3-4) oleh pasukan

LESTARi SBM yang diketuai oleh Dr Armanurah Mohamad. Ahli-ahli LESTARi terdiri daripada Prof. Madya Dr. Norashidah Hashim, Dr. Sahadah Abdullah, Dr. Awanis Ku Ishak dan Dr Shamsul Huda Abd Rani. LESTARi merupakan satu aktiviti keusahawanan sosial yang melibatkan guru dan kakitangan daripada dua (2) buah sekolah agama swasta di Kubang Pasu, iaitu Pusat Pendidikan Al-Azhar (PPAZ), Jitra, Sekolah Agama At Toyyibah, Changlun, dan dua (2) buah sekolah agama swasta di Perlis, iaitu Ma'ahad Attarbiyah Al-Islamiyah (MATRI), dan Sekolah Rendah Agama Attarbiyah Al-Islamiyah (SRAATI). Selain dari staf akademik SBM, program LESTARi ini juga melibatkan pihak industri, iaitu Perniagaan Qurba Sdn Bhd sebagai rakan kolaborasi strategik LESTARi.

Objektif LESTARi bertujuan untuk mendedahkan institusi sekolah agama swasta kepada aktiviti keusahawanan yang boleh menjana peluang perniagaan kepada sekolah. LESTARi juga bertujuan untuk membudayakan pihak pengurusan dan guru sekolah agama swasta dengan ciri-ciri keusahawanan bagi melahirkan guru dan kakitangan yang boleh menjadi usahawan dalaman (*Intrapreneur*) dan usahawan (*Entrepreneur*). Selain itu, LESTARi bertujuan untuk membangunkan masyarakat yang boleh memberi sumbangan kepada komuniti serta modal insan yang seimbang yang boleh berdikari dan memberi sumbangan kepada institusi. Untuk melestarikan aktiviti keusahawanan di sekolah agama swasta yang terlibat, pasukan LESTARi SBM bersama dengan rakan industri akan membantu membangunkan perancangan kelestarian projek keusahawanan bagi sekolah-sekolah agama swasta yang terlibat.

Pengisian LESTARi yang dijalankan di Seminar Keusahawanan Sosial Fasa 1-2 ialah Pengenalan kepada Keusahawanan Sosial, Perkongsian Pengalaman Bersama Usahawan, Mengenal Pasti Peluang Perniagaan dan *Business Model Canvas* (BMC). Manakala Fasa 3-4 ialah Pembangunan Rancangan Perniagaan dan *Bisnes Pitching*. Selain itu program LESTARi ini turut diinspirasikan dengan motivasi keusahawanan sosial oleh dekan SBM, Prof. Haim Hilman Abdullah.

Hasil dari program ini diharap dapat memberi pendedahan dan laluan keusahawanan kepada sekolah agama swasta terlibat dalam menjana pendapatan sendiri melalui aktiviti keusahawanan. Justeru itu, adalah diharapkan program LESTARi ini dapat membantu institusi sekolah agama swasta mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kewangan.

=====



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.